



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA STATISTIK GUNA TENAGA, MALAYSIA SUKU TAHUN KEDUA 2023

**Jumlah jawatan pada suku tahun kedua 2023 meningkat sebanyak 2.4 peratus
merekodkan 8.83 juta jawatan**

PUTRAJAYA, 14 Ogos 2023 – Jumlah jawatan pada suku tahun kedua 2023 meningkat sebanyak 2.4 peratus merekodkan 8.83 juta jawatan, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan pada hari ini. Statistik ini diterbitkan dalam laporan **STATISTIK GUNA TENAGA, SUKU TAHUN KEDUA 2023** berdasarkan Survei Guna Tenaga yang dilaksanakan ke atas perniagaan berdaftar dalam sektor swasta. Laporan ini membentangkan statistik permintaan buruh merangkumi indikator jawatan, jawatan diisi, kekosongan dan pewujudan jawatan mengikut kategori kemahiran dan aktiviti ekonomi.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Trajektori positif pasaran buruh di Malaysia berterusan sehingga suku tahun kedua 2023, menunjukkan permintaan buruh yang berterusan. Dengan peningkatan sebanyak 208.1 ribu jawatan dalam sektor ekonomi, bilangan jawatan telah mencapai 8.83 juta, melebihi bilangan pada tahun sebelumnya iaitu 8.62 juta dalam tempoh yang sama (ST2 2022).

Berikutan dengan ini, trend peningkatan dalam bilangan jawatan diisi dapat dilihat meningkat sebanyak 2.5 peratus merekodkan 8.64 juta jawatan (ST2 2023). Walau bagaimanapun, bilangan kekosongan jawatan mengalami pertumbuhan negatif, menurun sebanyak 0.9 peratus merekodkan 189.6 ribu kekosongan (ST2 2022: 191.3 ribu). Dalam tempoh ini, kadar jawatan diisi dan kekosongan jawatan masing-masing merekodkan 97.9 peratus dan 2.1 peratus, mencerminkan pasaran buruh yang seimbang dan berdaya saing."

Melihat kepada senario jawatan diisi pada suku tahun kedua 2023, Ketua Perangkawan melaporkan bahawa semua sektor ekonomi menunjukkan pertumbuhan positif tahun ke tahun. Sektor Perlombongan & Pengkuarian menjadi penyumbang utama dengan kadar pertumbuhan tertinggi sebanyak 3.6 peratus, diikuti oleh Pembuatan (3.1%) dan Pertanian (3.0%). Melihat kepada pecahan jawatan

mengikut sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar bagi jawatan diisi dengan merekodkan 4.55 juta jawatan, merangkumi 52.7 peratus daripada jumlah jawatan diisi. Sektor Pembuatan menyusul dengan 2.32 juta jawatan diisi, merekodkan 26.9 peratus dan Pembinaan menduduki tempat ketiga (14.3%; 1.24 juta). Mengikut kategori kemahiran, kebanyakan jawatan diisi adalah dalam kategori separuh mahir, mencatatkan 5.40 juta jawatan, bersamaan dengan 62.5 peratus diikuti oleh mahir (25.0%; 2.16 juta) dan berkemahiran rendah (12.5%; 1.08 juta).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Bilangan kekosongan jawatan dalam sektor ekonomi pada suku tahun ini adalah sebanyak 189.6 ribu, menunjukkan trend penurunan dengan pengurangan sebanyak 1.7 ribu (ST2 2022: 191.3 ribu). Lebih daripada separuh kekosongan jawatan adalah dalam sektor Pembuatan dengan 108.0 ribu kekosongan (56.9%). Secara khususnya, subsektor Produk elektrik, elektronik, dan optikal (34.2 ribu) dan Produk petroleum, kimia, getah, dan plastik (19.6 ribu) menunjukkan kekosongan jawatan yang signifikan. Sektor Pertanian berada di kedudukan kedua dengan 30.7 ribu kekosongan, mewakili 16.3 peratus daripada jumlah kekosongan. Manakala, sektor Perkhidmatan menyumbang 26.8 ribu kekosongan, merangkumi 14.1 peratus terutamanya dalam subsektor Kewangan, insurans, hartanah, dan perkhidmatan perniagaan (10.3 ribu). Mengikut kategori kemahiran, separuh mahir menunjukkan bilangan kekosongan tertinggi sebanyak 104.7 ribu (55.2%) diikuti dengan mahir (25.9%; 49.0 ribu) dan berkemahiran rendah (18.9%; 35.8 ribu).

Malaysia mencatatkan peningkatan pewujudan jawatan yang lebih banyak pada suku tahun ini, dengan sejumlah 31.9 ribu jawatan baharu bagi memenuhi permintaan yang meningkat berikutan pemulihan ekonomi. Mengikut kategori kemahiran, kebanyakan pewujudan jawatan adalah dalam kategori separuh mahir dengan menyumbang 59.6 peratus (19.0 ribu) diikuti oleh mahir dengan 29.4 peratus (9.4 ribu) dan berkemahiran rendah (11.0%; 3.5 ribu). Mengikut pecahan aktiviti ekonomi, sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang utama bagi pewujudan jawatan dengan 51.6 peratus (16.5 ribu) terutamanya dalam subsektor Perdagangan borong & runcit (8.5 ribu). Sektor Pembuatan menyusul dengan 10.1 ribu jawatan baharu (31.5%) dengan subsektor Produk elektrik, elektronik, dan optikal merupakan penyumbang terbesar dalam sektor ini dengan 3.5 ribu pewujudan jawatan.

Mengakhiri kenyataannya mengenai penerbitan hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Keseluruhan permintaan buruh dalam sektor ekonomi pada suku tahun ini terus menunjukkan trend positif walaupun menghadapi risiko kemelesetan global, yang menjurus kepada pertambahan peluang pekerjaan dan mengukuhkan pasaran buruh di Malaysia."

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai **jam 1200, Isnin, 14 Ogos 2023**

Data siri masa dan maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi dari portal Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.




DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*.

Paparan 1: Statistik Guna Tenaga, ST2 2023



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
14 OGOS 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT EMPLOYMENT STATISTICS, MALAYSIA SECOND QUARTER OF 2023

The number of jobs during the second quarter of 2023 increased by 2.4 per cent to record of 8.83 million jobs

PUTRAJAYA, 14 August 2023 – The number of jobs during the second quarter of 2023 increased by 2.4 per cent to record of 8.83 million jobs, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today. These statistics are published in the report of **EMPLOYMENT STATISTICS, SECOND QUARTER OF 2023** based on the Employment Survey conducted on registered businesses in the private sector. The report presents the labour demand statistics, encompassing of jobs, filled jobs, vacancies and jobs created indicators by skills category and economic activity.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The positive trajectory of Malaysia's labour market persisted into the second quarter of 2023, witnessing a further rise in labour demand. With an additional of 208.1 thousand jobs in the economic sector, the total employment reached 8.83 million, surpassing the previous year's figure of 8.62 million during the same period (Q2 2022).

Following to this, an upward trend in the number of filled jobs was observed with an increase of 2.5 per cent to record 8.64 million jobs (Q2 2023). However, the number of job vacancies experienced negative growth, declined by 0.9 per cent registering 189.6 thousand vacancies (Q2 2022: 191.3 thousand). During this period, the rate of filled jobs and job vacancies were at 97.9 per cent and 2.1 per cent respectively, reflecting a balanced and competitive labour market."

Analysing the filled jobs scenario in the second quarter of 2023, the Chief Statistician reported that all economic sectors demonstrated a year-on-year positive growth. The Mining & Quarrying sector led the way with the highest growth rate of 3.6 per cent, followed by Manufacturing (3.1%) and Agriculture (3.0%). Regarding jobs distribution by economic activity, the Services sector emerged as the largest contributor of filled jobs accounting for a total of 4.55 million jobs, constituting 52.7 per cent of the total filled jobs. The Manufacturing sector followed suit, with 2.32 million filled jobs, making up 26.9 per cent and Construction ranked third (14.3%; 1.24 million). By skills category, most filled jobs were in the semi-skilled category, registering 5.40 million

jobs, equivalent to 62.5 per cent, followed by the skilled (25.0%; 2.16 million) and the low-skilled (12.5%; 1.08 million).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted, "The total number of job vacancies in the economic sector during this quarter was 189.6 thousand, showing a downward trend with a decrease of 1.7 thousand (Q2 2022: 191.3 thousand). More than half of the job vacancies were in the Manufacturing sector with 108.0 thousand job vacancies (56.9%). With this note, the sub-sector of Electrical, electronic, and optical products (34.2 thousand) and Petroleum, chemical, rubber, and plastic products (19.6 thousand) posted significant job openings. Ranked second was the Agriculture sector accounted for 30.7 thousand job vacancies, representing 16.3 per cent of the total vacancies. Meanwhile the Services sector registered 26.8 thousand job vacancies, made up 14.1 per cent primarily in the Finance, insurance, real estate, and business services sub-sector (10.3 thousand). In terms of skills category, the semi-skilled category exhibited the highest number of job vacancies comprising 104.7 thousand (55.2%) followed by skilled (25.9%; 49.0 thousand) and low-skilled (18.9%; 35.8 thousand).

Malaysia experienced more jobs creation during this quarter, with a total of 31.9 thousand new jobs added to cater the growing demands subsequent to the recovering economy. In terms of skills category, most of the new jobs were in the semi-skilled category accounting for 59.6 per cent (19.0 thousand) followed by skilled with 29.4 per cent (9.4 thousand) and low-skilled (11.0%; 3.5 thousand). Across the economic activity, the Services sector emerged as the primary driver of jobs creation, claiming a share of 51.6 per cent (16.5 thousand) primarily in the Wholesale & retail trade sub-sector (8.5 thousand). Following that was the Manufacturing sector creating 10.1 thousand new jobs (31.5%) with sub-sector of Electrical, electronic, and optical products stood out with 3.5 thousand jobs created.

Concluding his statement on today's release, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Overall labour demand in the economic sector in this quarter continued to show a positive trend despite global recession risks, leading to an increase in job opportunities and reinforcing the strength of Malaysia's labour market."

Time series statistics and more information on the labour market can be obtained from the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) portal. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.




DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Exhibit 1: Employment Statistics, Q2 2023



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
14 AUGUST 2023**